

SEMINAR DAN BENGKEL ADAT MENUJU ALAF BARU

1 Disember - 3 Disember 1999

Kem Bina Negara Sepri, Rembau
Negeri Sembilan Darul Khusus

ADAT PERPATIH
oleh
Norhalim Hj. Ibrahim

Anjuran:

Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau
Balai Undang Luak Rembau

KNS
390.09595117
NOR

jasama:

budayaan dan Kesenian Negeri Sembilan
Koleksi Negeri Perpustakaan Awam Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus

ADAT PERPATIH
Oleh:
Norhalim Hj. Ibrahim

Pengenalan

Adat Perpatih ialah satu sistem sosial yang kompleks dan mempunyai konsep dan ideologi yang disedari dengan jelas oleh penganut-penganutnya. Ia juga mempunyai satu pandangan hidup (worldview) yang menjadi pemandu dalam persepsi dan pemilihan pengamalnya. Sebagai satu sistem konseptual di dalam Adat Perpatih itu termasuk aturan tertentu (kadangkala dalam bentuk preskripsi undang-undang nyata) yang menggambarkan dan menjanakan pelakuan ahlinya. Ini termasuklah di mana hendak tinggal, bagaimana mengompokkan harta pusaka, siapa yang bertanggungjawab ke atas anak-anak dan sebagainya.

Komponen-komponen konsep dan ideologi adat ini berkecenderungan untuk memperkukuh satu dengan yang lain, dan setiap ahlinya berurusan pula dengan berbagai-bagai tema yang berhubung kait antara satu sama lain. Selanjutnya, antara nilai-nilai berkenaan wujud pula interaksi dialektual dengan sistem-sistem ekonomi, sosial dan politik yang dialami secara nyata oleh ahli-ahlinya. Justeru itu, masyarakat Adat Perpatih di dalam kehidupan sehari-harian melahirkan satu cara hidup yang dapat didirikan sebagai komunal, agak egaliterian dan demokratik, setidak-tidaknya pada zaman tradisional (Norhalim Hj. Ibrahim, 1994:60).

Wilayah Adat Perpatih

Semenanjung Malaysia dari segi budaya secara umum dapat dibahagikan kepada dua zon atau wilayah. Pertama ialah zon orang-orang Melayu yang mengamalkan sistem sosial yang berkecenderungan kepada sistem keturunan nasab bapa. Mereka ialah masyarakat Melayu yang tinggal di negeri-negeri Melayu melainkan Negeri Sembilan. Kedua ialah zon orang-orang Melayu yang menetap di bahagian pedalaman Negeri Sembilan, Naning di Melaka dan beberapa buah kampung di Johor dan Selangor. Mereka ini menjuraikan keturunan mereka berdasarkan sistem nasab ibu. Adat mereka ini, terutama sekali yang tinggal di Negeri Sembilan dan Naning, lebih terkenal dengan nama Adat Perpatih.

Wilayah-wilayah Adat Perpatih Negeri Sembilan hari ini tidak lagi dikenali sebagai nagari (negeri). Kawasan-kawasan tersebut yang dahulunya berdiri sebagai negeri-negeri merdeka, berdaulat dan berwibawa kini hanya dikenali sebagai *luak* dari politik adat. Luak-luak tersebut kini dirangkumkan ke dalam tujuh buah daerah iaitu daerah-daerah Seremban, Rembau, Tampin, Kuala Pilah, Jempol, Jekebu dan Port Dickson. Namun, kawasan Adat

Perpatih di daerah Port Dickson hanya tertumpu di bahagian pedalaman yang bersempadanan dengan daerah Seremban.

Hari ini terdapat sepuluh buah luak yang terlingkung dalam sempadan Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujung, Rembau, Jelevu, Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Terachi dan Tampin. Wilayah Adat Perpatih ini pula dapat dikelompokkan kepada tiga, iaitu *Luak Berundang*, *Luak Tanah Mengandung* dan *Luak Tampin*.

Luak Berundang

Luak Berundang atau Luak Adat Utama terdiri daripada empat buah iaitu Luak-luak Sungai Ujung, Rembau, Jelevu dan Johol (lihat Jadual 1).

Jadual 1: Lokasi Luak Berundang Sekarang

Nama Luak	Kedudukan Sekarang
Sungai Ujung	Daerah Seremban dan kawasan daerah Port Dickson yang bersempadanan dengan daerah Seremban.
Rembau	Daerah Rembau.
Johol	Sebahagian daripada daerah Kuala Pilah dan bahagian timur daerah Tampin.
Jelevu	Daerah Jelevu.

(Sumber: Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:86)

Setiap satu daripada empat luak ini, dari segi adat diketuai oleh seorang pemimpin yang bergelar *Undang*. Setiap Undang itu mempunyai gelaran masing-masing (lihat Jadual 2).

Luak Tanah Mengandung

Luak-luak Tanah Mengandung yang terdiri daripada lima buah luak, terletak di bahagian tengah dan timur Negeri Sembilan (lihat Jadual 3). Luak-luak tersebut ialah Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi. Empat buah daripada luak itu, yakni Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi, pernah suatu masa dahulu di bawah pentadbiran Undang Luak Johol. Pemimpin adat di luak-luak Tanah Mengandung ini digelar *Penghulu*. Setiap penghulu itu mempunyai gelaran masing-masing (lihat Jadual 4).

Jadual 2: Gelaran Undang Mengikut Luak

Luak	Gelaran Undang
Sungai Ujung	Datuk Kelana Putera
Rembau	(i) Datuk Lela Maharaja (ii) Datuk Sedia Raja
Johol	Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan
Jelebu	Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman Sultan Jelebu

(Sumber: Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:86)

Jadual 3: Kedudukan Luak-Luak Tanah Mengandung Sekarang

Luak	Kedudukan Sekarang
Inas	Dalam daerah Kuala Pilah
Ulu Muar	Dalam daerah Kuala Pilah
Gunung Pasir	Dalam daerah Kuala Pilah
Terachi	Dalam daerah Kuala Pilah
Jempol	Daerah Jempol

(Sumber: Norhalim-Hj. Ibrahim, 1993:86) Berlainan dengan Luak Berundang.

Kelima-lima luak ini adalah di bawah naungan Seri Menanti. Wilayah Seri Menanti yang dikenali juga sebagai *Tanah Mengandung* tidak ditadbirkan oleh Undang atau Penghulu, tetapi adalah di dalam kekuasaan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (sebelum pertengahan abad ke-20 dikenali sebagai Yang Dipertuan atau Yamtuan Besar Seri Menanti sahaja). Oleh itu, gabungan kelima-lima luak tersebut dengan berpusatkan Seri Menanti diistilahkan sebagai Tanah Luak Mengandung.

Seri Menanti dikatakan Tanah Mengandung kerana secara kebetulan terletak kira-kira di bahagian tengah wilayah Adat Perpatih. Kedudukan ini seakan-akan kedudukan bayi dalam kandungan ibunya iaitu kira-kira di bahagian tengah jasad ibunya. Di samping kedudukan yang sedemikian itu, Seri Menanti juga ialah tempat bersemayam pemimpin yang dilantik oleh Undang-Undang Luak sebagai lambang *keadilan*.

Jadual 4: Gelaran Penghulu Luak-luak Tanah Mengandung

Luak	Gelaran Penghulu
Inas	Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Walat Kuala Dioh
Gunung Pasir	Datuk Orang Kaya Mempasir Setiawan
Terachi	Datuk Anjah Pahlawan Orang Kaya Terachi Lela Setiawan
Jempol	Datuk Lela Putera Setiawan

(Sumber: Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:87)

Luak Tampin

Selain luak-luak tersebut di atas, terdapat sebuah lagi wilayah adat di Negeri Sembilan iaitu Tampin. Luak Tampin yang terdiri daripada Tampin Tengah, Repah, Keru dan Tebung, bukanlah wilayah adat tradisional dari segi kewujudannya sebagai luak. Tampin ialah luak baharu yang didirikan oleh penjajah Inggeris pada sekitar tahun 1850. Sebelum tarikh itu, wilayah Luak Tampin adalah sebahagian daripada Luak Rembau.

Ketua atau pemimpin adat Luak Tampin bergelar *Tunku Besar Tampin*. Beliau adalah keturunan Syed Syaaban bin Syed Ibrahim. Berbeza dengan luak-luak adat yang lain, ketua adat Tampin dilantik mengikut jurai keturunan lelaki.

Wilayah Adat Perpatih di Luar Negeri Sembilan

Selain wilayah-wilayah adat seperti yang disebutkan, terdapat beberapa kawasan lain yang terletak di luar sempadan Negeri Sembilan kini yang mengamalkan Adat Perpatih atau variasinya. Wilayah adat di luar sempadan Negeri Sembilan ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama ialah wilayah yang mengamalkan sistem dan organisasi tradisional dan boleh dikatakan serupa yang diamalkan oleh masyarakat adat Negeri Sembilan. Wilayah yang dimaksudkan ialah Naning.

Kedua ialah kawasan-kawasan yang baharu dibuka oleh perantau daripada salah sebuah luak Negeri Sembilan. Oleh sebab kawasan-kawasan tersebut hanya dibuka pada sekitar akhir abad ke-19, maka Adat Perpatih yang diamalkan adalah merupakan variasi adat Negeri Sembilan. Sejauh yang ditemui terdapat dua kawasan Adat Perpatih baharu tersebut, iaitu Kampung Sesapan Batu Rembau di Beranang, Selangor dan Kampung Lukut di Kota Tinggi, Johor (Norhalim Hj. Ibrahim, 1997(b): 2).

Naning

Naning di bawah pentadbiran negeri Melaka dan terletak di bahagian utara Melaka dan bersempadan dengan Negeri Sembilan. Sebelum awal abad ke-18, Naning adalah sebahagian daripada Negeri Sembilan tradisional dan merupakan salah satu negeri yang dikatakan sebagai menganggotai persekutuan tersebut. Akibat penjajahan barat, Naning telah terkeluar dari Negeri Sembilan dan dimasukkan ke dalam pentadbiran negeri Melaka.

Hari ini sebahagian besar daripada wilayah adat Luak Naning termasuk dalam daerah Alor Gajah. Mukim-mukim yang dianggap mengamalkan adat ini ialah Ramuan China Besar, Ramuan China Kecil, Sungai Baru Ulu, Masjid Tanah, Sungai Siput, Berisu, Pulau Sebang, Tanjung Rimau, Padang Sebang, Gadek, Melaka Pindah, Rembia, Ayer Pak Abas, Lendu, Sungai Buluh, Melekek, Tabuh Naning, Pegoh, Kelemak, Sungai Petai, Kemuning dan Tebong. Selain daerah Alor Gajah, penduduk di tiga buah mukim dalam daerah Jasin juga dikatakan mengamalkan Adat Perpatih. Mukim-mukim tersebut ialah Batang Melaka, Jus dan Nyalas.

Dari segi pentadbiran adat, seperti juga luak-luak adat di Negeri Sembilan, Naning adalah dipimpin oleh seorang Penghulu. Penghulu atau disebut juga Undang Naning bergelar Orang Kaya Seri Raja Merah.

Kampung Lukut

Kampung Lukut terletak dalam daerah Kota Tinggi, Johor. Kedudukannya ke arah timur laut bandar Kota Tinggi. Lokasi kampung ini kira-kira dua kilometer dari pekan kecil Kampung Batu Empat. Pekan kecil ini pula terletak kira-kira pertengahan jalan antara bandar Kota Tinggi dengan Lombong atau dikenali juga dengan nama Air Terjun Kota Tinggi, iaitu sebuah kawasan rekreasi yang terkenal di daerah Kota Tinggi.

Kampung Lukut ialah wilayah Adat Perpatih yang baharu. Dibuka pada sekitar tahun 1890 oleh sekumpulan orang dari Kampung Jimah Lama dan Bemban (kedua-dua buah kampung ini terletak kira-kira 10-15 kilometer dari bandar Seremban menghala ke bandar Port Dickson, Negeri Sembilan).

Kampung Sesapan Batu Rembau

Kampung ini terletak dalam mukim Beranang, daerah Ulu Langat, Selangor, dan berhampiran dengan jalan raya yang menghubungkan bandar Seremban-Mantin dengan Kajang-Kuala Lumpur. Jauhnya kampung ini dari pekan Beranang yang terletak berhampiran dengan sempadan Negeri Sembilan-Selangor ialah kira-kira empat kilometer.

Sama seperti Kampung Lukut, kampung ini juga ialah kampung terokaan baharu. Beberapa buah keluarga atas sebab-sebab tertentu telah meninggalkan Kampung Tengah

Seperi dan Pedas dalam daerah Rembau. Perpindahan dan penerokaan kampung ini telah berlaku antara tahun 1880-1890. Dalam perkampungan baharu ini, peneroka-peneroka tersebut telah mengubah suai sistem hidup mereka tetapi mengekalkan beberapa aspek dasar adat nenek moyang mereka, iaitu Adat Perpatih.

Adat dalam Sistem Adat Perpatih

Setakat ini pelbagai tanggapan dan pengertian dapat ditafsirkan terhadap konsep adat. Sebahagian besar tanggapan itu adalah amat sempit dan mempertentangkan pelbagai tanggapan lain terutama agama atau undang-undang serta kegiatan moden. Segala yang bukan agama, undang-undang dan moden dalam kegiatan manusia adalah adat. Sekaligus adat membawa maksud lama, kolot, ketinggalan masa atau zaman, ataupun kelakuan primitif. Demikian juga adat diertikan sebagai perbuatan atau tindakan yang 'kebiasaan' atau 'lazim' seperti kebiasaan makan dengan tangan, menanggalkan kasut semasa masuk ke dalam rumah ataupun berjalan sambil menundukkan badan apabila lalu di hadapan orang tua.

Ada juga adat sebagai peraturan dan upacara yang mesti dilakukan sebagai kelaziman dalam edaran hidup manusia seperti adat perkahwinan, kelahiran atau kematian. Pengkonsepsian cara ini sering disamakan sebagai warisan adat Melayu dari zaman Hindu. Pada pengertian yang lebih tinggi dan ilmiah, adat merupakan salah satu daripada hukum atau peraturan yang mengikut pemikiran serta kelakuan manusia seperti fahaman dalam tipologi hukum akal, hukum adat dan hukum agama. Nyata pada umumnya terdapat satu kekaburan dan kekeliruan pengertian dalam pelbagai fahaman yang amat bertelingkah antara satu sama lain.

Dari segi etimologi atau asal-usul kata adat adalah dari bahasa Arab dengan makna 'kebiasaan'. Pengertian asal ini mengalami perubahan serta transformasi makna yang amat asasi di dalam konteks wilayah budaya Melayu di seluruh Nusantara, termasuk wilayah Melayu di pinggir benua Asia. Perkataan adat telah menjadi istilah dengan mengandungi makna yang amat luas dan mendalam. Ia dimengertikan sebagai keseluruhan cara hidup; dan secara tradisi dapat pula disama ertikan dengan kebudayaan.

Setiap bangsa atau masyarakat dianggap sebagai mempunyai cara hidup dan disebut sebagai adat. Masyarakat Melayu ada cara hidup atau adatnya sendiri, demikian juga masyarakat Cina, India, Inggeris dan Jepun. Masing-masing mungkin berbeza atau bersamaan. Pertembungan antara individu yang berlainan kelompok, bangsa atau etnik sering menimbulkan fahaman tentang perbezaan adat mereka, khususnya yang berkaitan dengan upacara, kebiasaan serta peraturan kelakuan lazim. Seorang Melayu makan

menggunakan tangan, berbeza dengan Cina yang menggunakan sepit atau seorang Eropah yang menggunakan sudu dan garpu.

Adat sebagai satu kebudayaan membawa pelbagai maksud. Antara yang utama adalah seperti berikut:

1. Adat dimaksudkan sebagai peraturan hidup yang mantap dan kekal seperti kaedah bersaudara di kalangan masyarakat Adat Perpatih yang mengakui saudara-mara rapat melalui keturunan pihak ibu dan wanita sahaja. Masyarakat Melayu luar Adat Perpatih pula mengira persaudaraan rapat daripada kedua-dua pihak ibu dan bapa.
2. Adat juga bermaksud hukum atau undang-undang yang mempunyai kesan 'balasan' dan denda. Dari segi ini, adat adalah perundangan yang ditadbirkan dan dilaksanakan oleh pemegang jawatan tertentu seperti ketua adat ataupun ketua masyarakat.
3. Adat juga boleh memberi pengertian yang amat khusus iaitu bayaran rasmi dalam satu perjanjian atau transeksi yang bersifat cukai seperti bayaran adat dalam perkahwinan atau bayaran perubatan tradisi yang disebut *duit adat*.
4. Pada kebiasaannya, adat bermaksud upacara dan peraturan biasa dalam melakukan acara atau peristiwa. Adat seperti ini sering disebut sebagai *adat istiadat* dan mempunyai kesan yang meluas sebagai satu kegiatan suci atau *ritual*.
5. Di samping pengertian yang ada kaitan dengan ciptaan manusia, adat juga diberi pengertian kepada perkara-perkara semula jadi. Pengertian kategori ini merupakan hukum alam atau sifat semula jadi yang merupakan adat atau hukum alam seperti api itu 'adatnya' ialah membakar dan air pula membasahkan dan sebagainya.

Berdasarkan huraian ringkas di atas nyata bahawa istilah adat bagi orang Melayu adalah satu gagasan atau konsep yang memerikan atau menjelaskan corak kehidupan yang telah diikuti oleh sesuatu komuniti atau kelompok masyarakat. Kepada orang Melayu adat itu merangkumi kesemua tanggapan mereka terhadap alam semesta, kosmos, pandangan dunia, makhluk dalam alam hinggalah kepada perundangan, sistem kemasyarakatan dan kebiasaan serta kelaziman. Adat adalah sistem kehidupan yang telah disesuaikan dengan peraturan alam tabii sekitar masyarakat manusia. Justeru itu adat adalah hasil kebendaan dan bukan kebendaan daripada tindakan manusia terhadap alam tabii di sekitarnya.

Berikutan dengan pengkonsepsian ini maka wujudlah pelbagai institusi atau perlembagaan dan gagasan yang terbit dan terjadi dari keperluan manusia untuk hidup di dalam suatu sekitaran tabii. Secara asasi adat adalah hasil ciptaan manusia bagi kehidupannya. Berdasarkan huraian di atas, pengertian adat di kalangan orang Melayu dapat disaring secara teori sebagai suatu sistem kehidupan masyarakat Melayu khususnya

dan masyarakat Alam Melayu amnya dalam penyesuaiannya dengan alam tabii atau alam sekitarnya.

Keseluruhan pengertian yang serba lengkap dan serba merangkum ini ada pada konsep adat dalam Adat Perpatih. Dalam sistem Adat Perpatih itu adat dianggap sebagai satu kaedah yang mengandungi empat lapis makna dan merangkumi semua bidang kehidupan. Adat dianggap sebagai satu gejala asasi dalam masyarakat. Ia wujud sebagai suatu pemberian terhadap sifat semula jadi atau tabii setiap benda fizikal (jasmaniah) dan setiap gejala (fenomenon) sosial yang baku dan mantap dalam hidup manusia berkelompok dan bermasyarakat. Sebagai fenomena atau gejala hidup manusia, adat juga mengalami perubahan di samping mengekalkan ciri-ciri mantap sebagai asas utama dalam kelanjutan dan persambungan wujudnya masyarakat.

Prinsip-prinsip adat yang mantap dan kekal ini menjadi prinsip asasi dan sendi pembinaan dalam kewujudan masyarakat itu sebagai satu masyarakat yang tersendiri dan berbeza daripada masyarakat lain. Ciri-ciri ini adalah pembeza yang menentukan peribadi kelompok itu sendiri.

Kategori Adat Perpatih

Dalam pengertian yang serba menyeluruh seperti yang telah dibincangkan maka terbitnya kaedah-kaedah (metodologi) Adat Perpatih. Kaedah-kaedah atau prinsip-prinsip dalam Adat Perpatih itu telah dikategorikan kepada empat jenis adat iaitu Adat nan Sebenar Adat, Adat nan Teradat, Adat nan Diadatkan dan Adat Istiadat.

Adat nan Sebenar Adat

Adat jenis ini adalah pelakuan yang bukan hasil ciptaan atau kehendak manusia. Adat ini adalah sifat tabii atau semula jadi sesuatu kewujudan dalam alam. Ia juga dikenali sebagai *hukum alam* atau *adat alam*. Antara adat yang tergolong ke dalam kategori ini ialah:

Adat air : cair,
Adat api : panas,
Adat pisau : tajam,
Adat api membakar,
Adat air membasah,
Adat tajam melukai,
Adat buluh berbuku,
Adat kerambit bermata,
Adat laut berombak,
Adat gunung berkabus,
Adat ayam berkotak,
Adat murai berkicau,
Adat harimau mengaum, atau berbelang,
Adat gajah bergading, atau berbelalai,
Adat makhluk mati.

Melihat kepada perbilangan di atas nyata bahawa adat jenis ini adalah terdiri daripada ketentuan-ketentuan alam yang masing-masing pula dicipta oleh Allah S.W.T. Ketentuan-ketentuan alam yang diciptakan Allah S.W.T. adalah objektif dan benar serta abadi. Atas kejadiannya yang sedemikian, pelakuan yang terdiri atas jenis ini tidak mungkin diubah oleh manusia. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang boleh mengubahnya. Seandainya diubah juga maka pelakuan yang baharu itu dianggap tidak menjadi kebiasaan (adat) lagi atau tidak normal.

Di samping bercirikan alam semula jadi yang ketentuannya adalah atas kehendak Allah S.W.T., adat nan sebenar adat juga merangkumi hukum-hukum Islam. Dalam sistem Adat Perpatih, hukum dan syariat Islam telah menjadi bahagian asasi dalam perjalanan hidup masyarakatnya. Perpaduan syariat Islam dalam sistem Adat Perpatih dijelaskan oleh banyak perbilangan adat. Antara perbilangan yang bertujuan sedemikian ialah:

Adat bersendikan hukum,
hukum bersendikan kitab Allah.
Kuat adat tak gaduh hukum,
kuat hukum tak gaduh adat.

Adat dipakai,
syarak dituruti,
syarak mengata,
adat memakai.

Perbilangan di atas menyatakan kepada pengamal Adat Perpatih bahawa segala ketentuan dalam hidup mereka adalah bersumberkan kepada syariat, dan adat adalah pelaksanaan sahaja. Berikutan dengan itu, dalam kerangka teori masyarakat Adat Perpatih mengakui bahawa syariat itu adalah adat nan sebenar adat dan ini diajarkan kepada pengamal-pengamalannya. Adat Perpatih menyatakan adat jenis ini sebagai:

Biar mati anak,
jangan mati adat.
Tak lekang dek panas,
tak lapuk dek hujan,
dikikis berhabis besi,
dibasuh berhabis air,
digosok berhabis sabun,
dianjak layu,
dicabut mati.
Gemuk berpupuk,
segar bersiram.

Adat nan Teradat

Adat jenis ini merujuk kepada aturan, nilai dan kepercayaan yang telah terkumpul sejak manusia hidup bermasyarakat. Dalam pembentukan adat jenis ini nenek moyang masyarakat Adat Perpatih telah mengambil segala kejadian alam (adat nan sebenar adat) sebagai pelajaran dan tauladan. Sumber dan proses pembentukan adat jenis ini dijelaskan oleh perbilangan adat yang digubal dalam bentuk pantun:

Penakik pisau seraut,
Ambil galah batang lintabung,
Selondang ambil ke nyiru;
Nan setitik jadikan laut,
Nan sekepal jadikan gunung,
Alam berkembang jadikan guru.

Oleh sebab kelaziman, kekerapan dan kebiasaan manusia melakukannya sejak tidak kurang daripada 500 tahun yang lalu, adat jenis ini telah mantap, tetap dan kekal dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Ia telah menjadi prinsip asasi Adat Perpatih. Kekuatan dan keteguhannya adalah hampir sama walaupun tidak sama dengan adat nan sebenar adat. Justeru itu, adat jenis ini, berserta adat nan sebenar adat telah membentuk *charter* sosial bagi pengamal Adat Perpatih. Antara lain adat kategori ini terlukis dalam cara penentuan sanak-saudara rapat iaitu melalui darah ibu atau wanita, hormat anak kepada ibu bapa serta orang yang lebih tua, hormat murid kepada guru, kepatuhan anak buah kepada ketua atau pemimpin dan sebagainya.

Adat jenis ini walaupun mengalami perubahan, kadar perubahan itu amat kecil dan memerlukan masa yang panjang. Perubahan tersebut akan meroboh masyarakat secara radikal sehingga menghilangkan bentuk dan rupa masyarakat itu yakni memusnahkannya. Berubahnya prinsip asasi tersebut akan memusnahkan sistem hidup yang dinamakan Adat Perpatih. Seperti juga hilangnya prinsip atau rukun Islam akan memusnahkan Islam itu. Misalnya jika adat perkahwinan itu dilonggarkan atau tidak diikuti lagi besar kemungkinan masyarakat akan menghadapi pelbagai masalah malahan masyarakat mungkin menjadi pincang.

Percubaan untuk menghapuskan institusi perkahwinan ini pernah berlaku di Russia selepas berlakunya Revolusi 1917. Akibat percubaan ini masyarakat Rusia telah dilanda pelbagai gejala negatif atau masalah sosial yang teruk. Antara masalah yang amat ketara ialah salah laku, juvana di kalangan anak-anak dan remaja, jenayah seks dan keruntuhan moral dan akhlak serta nilai di samping kemerosotan kadar kelahiran. Salah laku ini berleluasa dan tidak dapat dikawal sehingga berlanjutan selama lapan tahun. Akhirnya dalam tahun 1926, kerajaan Russia terpaksa mengadakan undang-undang baharu yang

melembagakan semula adat dan istiadat perkahwinan serta memberi galakan kepada anggota masyarakatnya supaya berkahwin.

Adat Perpatih menyedari bahawa kesan negatif adalah lebih banyak daripada kesan positif jika berlaku perubahan pada ideologi adat, khususnya prinsip *adat nan teradat*. Bagi mengelakkan tercetusnya kesan-kesan yang tidak diingini seperti yang pernah berlaku di Rusia pada awal abad ke-20 itu, Adat Perpatih telah menanamkan dalam pemikiran anggota masyarakatnya supaya bersikap:

Biar mati anak,
jangan mati adat.

Adat Perpatih seterusnya mengatakan bahawa adat itu:

Jika dicabut mati,
jika dianjak layu.

Ini bermaksud, jika adat nan teradat ini dibuang atau diubah bererti masyarakat telah membuang dan mengubah *charter sosial* mereka. Dengan demikian, sistem adat atau sistem kebudayaan berkenaan akan hilang dan musnah atau bertukar langsung dan mewujudkan satu identiti baharu. Contohnya, jika adat orang Melayu itu dibuang atau tidak diamalkan lagi bererti identiti budaya atau/dan masyarakat Melayu itu akan hilang. Berikutan dengan ini, kata-kata Hang Tuah "orang Melayu tidak akan hilang dari dunia ini" (*Hikayat Hang Tuah*) tidak mempunyai apa-apa erti dan nilai lagi.

Begitu juga keadaannya dengan Adat Perpatih, seandainya masyarakat Adat Perpatih menolak sistem adatnya maka masyarakat Adat Perpatih itu akan kehilangan identiti. Yang tinggal *mungkin* hanya orang Melayu sahaja.

Adat nan Diadatkan

Dalam kehidupan sesuatu masyarakat itu ada beberapa aturan atau prinsip yang luas dipergunakan oleh sekelompok individu. Melalui masa, aturan atau prinsip tersebut didapati baik dan berguna. Oleh itu aturan itu diperluas kepada kelompok-kelompok individu lain dan akhirnya diperlakukan oleh sebahagian besar ahli atau seluruh masyarakat. Apabila sampai ke tahap ini, bermakna aturan atau prinsip itu telah dianggap sebagai satu cara baharu. Pendeknya, aturan atau prinsip itu telah diterima umum dan dilembagakan atau *diadatkan* sebagai suatu kebiasaan cara hidup oleh masyarakat. Aturan dan prinsip inilah yang diistilahkan sebagai *adat nan diadatkan*.

Adat jenis ini merujuk segala aturan atau prinsip setempat yang oleh sebab ia mendatangkan kebaikan dan diterima pula oleh masyarakat umum lalu diinstitusikan melalui muafakat. Berkaitan dengan adat jenis ini, perbilangan menyatakan:

Nan elok dipakai yo muafakat,
nan buruk dibuang yo kebulatan,
adat habis dek kerelaan.

Menurut perbilangan tersebut, dalam sistem Adat Perpatih sebelum sesuatu aturan atau prinsip baharu itu dilembagakan atau diadatkan, ia terlebih dahulu haruslah dimesyuarahkan (dimuafatkan).

Bahagian kedua perbilangan tersebut pula menyatakan bahawa sekiranya aturan baharu itu harus menggantikan atau mengambil tempat aturan yang sedia ada, maka keputusan menggugurkan adat lama itu juga diperolehi melalui persetujuan semua ahli dalam mesyuarah berkenaan. Dengan adanya persetujuan semua ahli, barulah adat lama ditukar dengan adat baharu (jika ada) atau menerima adat baharu tanpa mengganggu adat lama. Proses penerimaan dan pembuangan melalui muafakat (mesyuarat) dan kebulatan (persetujuan semua dan bersama) ini dikatakan telah dilakukan "dengan kerelaan."

Pertemuan atau permuafakatan begini dihadiri oleh semua ketua adat daripada segenap lapisan - Tua (Kadim), Besar, Buapak, Lembaga dan Penghulu atau Undang. Ketua-ketua adat tersebut yang mewakili anak buah masing-masing akan menyuarakan pandangan dan pendapat mereka. Perjumpaan sedemikian ini dikenali sebagai *kerapatan*. Mengadakan muafakat dan mesyuarah ini adalah selari dengan petunjuk adat yang dikatakan melalui perbilangan:

Setiap satu dengan muafakat,
begitu kata maka suci,
begitu perbuatan maka sempurna.

Daripada huraian di atas jelaslah bahawa adat nan diadatkan itu adalah bahagian kehidupan masyarakat yang sentiasa berubah dan mengalami pembaharuan, sesuai dengan keperluan semasa. Adat ini merupakan sebahagian besar daripada sistem hidup masyarakat dan menjadi bahagian yang sentiasa menyesuaikan diri dengan alam sekitar, keadaan, masa dan tempat. Cara lama diketepikan dan digugurkan, dan yang baharu diterima pakai serta dijadikan adat (cara) baharu. Ini termasuk segala peralatan, kelakuan, tanggapan dan cara baharu yang silih bertukar ganti menurut keperluan.

Adat Istiadat

Adat jenis ini merujuk aspek kehidupan masyarakat yang bersifat upacara atau *ritual* dengan mempunyai kaedah-kaedah yang agak mantap tetapi tidak kekal. Dari aspek lain, adat jenis ini boleh juga dirujuk kepada pelaksanaan budaya yang menyokong, mengesahkan dan memantapkan institusi-institusi adat dalam tiga kategori yang dinyatakan

di atas tadi. Ia adalah merupakan hiasan dan tambahan kepada ketiga-tiga jenis adat tersebut.

Fungsi dan tujuan utama adat jenis ini ialah memberi kesahihan dan kebenaran kepada sesuatu gejala istimewa dalam masyarakat dan dalam edaran hidup individu di samping mencantikkan peristiwa-peristiwa atau adat-adat tersebut. Bagi tugas ini maka perlu ada satu prosedur, cara atau kaedah yang wajar, lengkap dengan artifak-artifak tertentu bagi memberi sifat suci dan sah. Contohnya ialah peraturan adat kahwin. Dalam adat ini terdapat adat bersanding, adat hambat pintu, adat hambat pelamin, adat berendam, adat berinai serta acara-acara lain yang lebih berfungsi sebagai mengkuduskan, mencantikkan dan menghiburkan. Ringkasnya, adat istiadat jenis ini ialah majlis atau perayaan.

Oleh sebab demikian kewujudannya, adat istiadat boleh diubahsuai berdasarkan keadaan dan persekitaran serta masa. Misalnya pengubahsuaian pelaksanaan upacara tertentu kerana ketiadaan beberapa sumber atau alat yang perlu. Dalam keadaan ini, keseluruhan adat itu, umpamanya *adat berpuar*, dibuang langsung daripada sistem masyarakat. Perubahan dan penghapusan sesuatu adat istiadat itu, seperti juga dalam hal-hal adat lain, haruslah melalui muafakat dan kebulatan antara ahli-ahli dengan ketua-ketua adat, orang-orang tua dan individu-individu terkemuka dalam masyarakat.

Sistem Sosial Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih mengamalkan sistem kekerabatan bercorak nasab ibu. Mereka menjuraikan unit-unit keturunan berdasarkan darah sebelah ibu. Amalan ini berbeza dengan sistem masyarakat Melayu di negeri-negeri lain yang menyusur galurkan keturunan mereka berdasarkan darah bapa. Keseluruhan sistem masyarakat Adat Perpatih adalah berdasarkan kepada ikatan kekeluargaan. Ia terdiri daripada beberapa prinsip utama yang antara lain ialah:

1. Pembahagian masyarakat kepada beberapa kelompok kekerabatan sejurai keturunan (unilineal).
2. Perhubungan antara kelompok berdasarkan hubungan perkahwinan eksogami.
3. Sistem kepimpinan dan politik adat tradisional.
4. Organisasi sosial, ekonomi dan juga agama berdasarkan kelompok-kelompok tertentu.

Sebagai masyarakat yang mengamalkan sistem sejurai keturunan, penganut Adat Perpatih mengelompokkan diri mereka ke dalam kelompok-kelompok tertentu yang dikenali sebagai *suku*. Setiap suku itu dapat dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dinamakan *perut*. Setiap perut itu pula dibahagikan kepada beberapa *ruang*, yang setiap satunya mengandungi beberapa kelompok *rumpun*. Antara kelompok-kelompok

kekeluargaan tersebut, unit suku dan perut adalah penting dari segi politik. Kelompok ruang dan rumpun pula lebih berfungsi dari segi sosial. Namun, di sesetengah tempat dan suku, ruang juga berfungsi, walaupun tidak sepenting perut dan suku dalam perjalanan politik adat.

Suku

Dalam Adat Perpatih hidup masyarakat adalah bersuku waris. Setiap individu mempunyai sukunya masing-masing dan hanya boleh menjadi anggota kepada satu suku sahaja. Pada zaman tradisional, kelompok suku merupakan kelompok dasar dalam organisasi masyarakat. Seluruh kegiatan dan pergerakan masyarakat dilakukan melalui organisasi suku.

Suku mengandungi pengertian genealogis. Ia dianggap sebagai satu kelompok kekeluargaan yang terbesar dalam konteks masyarakat Adat Perpatih. Orang yang menganggotai sesuatu suku itu menjangkakan bahawa mereka berasal daripada moyang yang sama; cuma terlalu jauh untuk digalurkan. Justeru itu garis salasilah yang berpuncakan moyang tersebut tidak dapat dipastikan dengan jelas dan tepat. Anggota-anggota setiap suku secara tradisional menganggap dan percaya bahawa anggota-anggota sesuku yang lain adalah abang, adik, kakak, ayah, ibu atau nenek. Pendeknya ahli-ahli dalam satu suku menganggap diri mereka adik-beradik yang mempunyai hubungan darah. Anggota sesuatu suku itu berhak mendiami satu kawasan kampung dan harus bergotong-royong dalam semua kegiatan ekonomi, politik dan sosial termasuk upacara-upacara adat. Dengan itu, rasa kesatuan di kalangan mereka adalah kuat dan teguh. Keadaan hidup komunal dan korporat di kalangan ahli-ahli sesuku ini tergambar dalam perbilangan adat:

Sesusun bak sirih,
serimbun bak serai,
seharta sebenda,
sepandan seperkuburan,
sehina semalu;
malu seorang,
malu semua.

Sikap dan nilai yang tergambar dalam perbilangan di atas telah dan perlu dipatuhi kerana setiap perilaku seseorang ahli, sama ada baik ataupun buruk, akan memberi kesan secara langsung kepada seluruh suku (*sehina semalu; malu seorang, malu semua*). Dengan demikian jelaslah bahawa kelompok suku adalah kelompok dasar dalam organisasi masyarakat. Seluruh kegiatan dan pergerakan masyarakat dilakukan melalui organisasi suku di bawah pimpinan seorang ketua yang bergelar *Datuk Lembaga*.

Keahlian dalam sesuatu suku kekal sepanjang hidup seseorang. Walaupun seseorang itu mendapat perlindungan daripada seseorang ahli suku lain yang disebut *induk semang*, namun dia masih dan harus memberikan kesetiaan kepada sukunya. Dia tidak boleh melepaskan dirinya daripada menjadi ahli sukunya hanya kerana jasa dan budi baik orang suku lain terhadapnya; melainkan jika dia telah *dikadimkan*.

Secara teori masyarakat Adat Perpatih boleh dikelompokkan kepada dua belas 'keluarga' atau dua belas kelompok kekerabatan sejurai keturunan atau suku. Suku-suku yang dua belas itu ialah:

1. Biduanda
2. Batu Hampar
3. Paya Kumbuh (Pekumbuh)
4. Mungkal
5. Tiga Nenek
6. Seri Melenggang (Semelenggang)
7. Seri Lemak (Selemak)
8. Batu Belang
9. Tanah Datar (Tedatar)
10. Anak Melaka
11. Anak Acheh
12. Tiga Batu

Sebenarnya tidak semua luak di Negeri Sembilan (dan Naning, Melaka) mengelompokkan penduduknya secara tradisional kepada dua belas suku. Misalnya di luak Rembau, jumlah sukunya tidak kurang daripada 27, luak Jelevu 12, luak Johol 11, luak Ulu Muar 18, luak Jempol 12, luak Gunung Pasir 7, luak Terachi 8 dan luak Inas 7 (Naning pula mempunyai 34 suku).

Perut

Setiap suku boleh dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dinamakan *perut*. Bilangan perut dalam satu-satu suku bergantung kepada struktur suku. Ini bermakna, bilangan perut antara satu suku dengan suku yang lain tidak sama. Perut adalah kelompok kekeluargaan yang berasal daripada satu keturunan moyang yang sama. Para sarjana agak berbeza pendapat tentang jumlah generasi yang menggabungkan sesuatu perut itu. Di Inas contohnya, menurut Lewis, "seperut bermakna mempunyai kaitan sehingga lima generasi" (1962:83); di Gadek, Naning, menurut Zainal Kling (1969: 50), "juga lima generasi"; di Jempol

pula, menurut Kahar Badur (1963: 45) , "antara sembilan dan sepuluh generasi"; dan di Rembau, mengikut Norhalim Hj. Ibrahim (1976:83), "sehingga enam generasi sahaja".

Hubungan kekeluargaan dalam satu-satu perut itu lebih jelas jika dibandingkan dengan hubungan kekeluargaan dalam satu-satu suku. Kerjasama di kalangan ahli seperut dalam ritual-ritual utama, seperti majlis perkahwinan dan kematian, adalah perlu. Sebelum melakukan atau menjalankan sebarang aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi atau politik, ahli seperut akan dikumpulkan dalam satu majlis yang dinamakan *berkampung*. Adat berkampung memainkan peranan penting dalam hidup masyarakat adat. Ia merupakan satu istiadat mengumpulkan semua ahli untuk membincangkan sesuatu masalah atau pendirian yang harus diambil untuk kepentingan bersama. Kelompok kekeluargaan perut mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai *Buapak* dan setiap Buapak mempunyai gelaran tertentu.

Ruang

Perut pula dipecahkan kepada unit yang lebih kecil yang dikenal sebagai *ruang*. Di luak Naning, kelompok kekeluargaan ruang ini dinamakan jurai. Ruang merupakan sebuah kelompok kekeluargaan yang tergolong dalam keturunan satu nenek. Ketua kelompok ruang dipimpin oleh *Besar* yang juga mempunyai gelaran tertentu. Di Naning, ketua jurai disebut *Tua* yang juga mempunyai gelaran tersendiri.

Hubungan anggota-anggota dalam satu ruang adalah rapat, malah lebih erat jika dibandingkan dengan hubungan antara anggota-anggota dalam satu perut. Anggota-anggota ruang sering ziarah-menziarahi dan bertemu muka, terutama dalam kenduri kecil-kecilan. Setiap ahli harus bersama dalam kegiatan pada peringkat ruang. Sekiranya ahli berada di luar kawasan, adalah menjadi tugas Besar untuk menjemputnya. Jika ada antara ahli tidak dapat hadir sama, maka adalah menjadi tanggungjawab ahli berkenaan untuk memohon maaf dan memberikan pengakuan bahawa dia akan bersetuju dan patuh kepada sebarang keputusan yang dicapai dalam istiadat berkampung.

Rumpun

Kelompok kekeluargaan yang lebih kecil daripada ruang ialah *rumpun*. Beberapa buah rumpun membentuk satu kelompok kekeluargaan ruang. Selalunya kelompok kekeluargaan rumpun merupakan sebuah keluarga luas, yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga generasi. Oleh sebab keanggotaan satu rumpun itu kecil, jarang-jarang yang menjangkau 50 orang. Hubungan di kalangan ahli amat rapat dan bersifat bersemukaan dalam kehidupan sehari-hari.

Rumpun juga mempunyai ketua yang dikenali sebagai *Kadim* atau *Tua* rumpun. Jawatan atau pusaka ini tidak membawa sebarang gelaran tertentu.

Perbilangan Sebagai Nadi Adat Perpatih

Apabila mengkaji perbilangan Adat perpatih, kita akan mengetahui tentang struktur dan organisasi masyarakat itu sendiri. Lunas-lunas kehidupan masyarakat telah disalurkan ke dalam perbilangan termasuklah aturan dan peraturan hidup masyarakatnya. Tegasnya, perbilangan berupaya menampakkan kedudukan dan peranan seseorang individu dalam masyarakat tersebut. Iini termasuklah dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan politik, ekonomi dan juga sosial termasuklah aspek keagamaan.

Aspek Politik

Cara pemerintahan Adat Perpatih adalah cara demokrasi (Abdullah Siddik, 1975: 110) dan sebelum penjajah Inggeris memerintah Negeri Sembilan, Adat Perpatih adalah sumber rujukan segala peraturan dalam sistem sosial masyarakatnya (A. Samad Idris, 1996: 10). Pentadbiran yang diamalkan menurut perbilangan:

Bertangga naik,
Berjenjang turun.

(Ibrahim Atin, 1959: 46)

yang bererti bertangga naik daripada rakyat kepada raja melalui salurannya yang tertentu dan berjenjang turun daripada raja kepada rakyat juga mengikut saluran atau tangganya dari atas ke bawah.

Sistem demokrasi ini dipraktikkan seperti yang terdapat dalam perbilangannya yang berbunyi:

Bulat anak buah menjadi Buapak,
Bulat Buapak menjadi Lembaga,
Bulat Lembaga menjadi Penghulu,
Bulat Penghulu menjadi Raja.

(A. Samad Idris, 1996: 10)

Kata *menjadikan* bererti memilih dan *bulat* adalah persetujuan daripada semua pihak selepas diadakan sesi perbincangan atau pemilihan, yang boleh diibaratkan seperti sistem pilihan raya yang diamalkan pada hari ini. Antara bidang tugas dan tanggung jawab pemimpin-pemimpin yang telah dilantik; telah dilembagakan dalam perbilangan:

Raja bernobat dalam alamnya,
Penghulu memerintah dalam luaknya,
Lembaga berkuasa dalam sukunya,
Buapak bercakap dalam anak buahnya.

(A. Samad Idris, 1996: 6)

Raja memerintah alam, Penghulu memerintah Luak, Lembaga memerintah suku dan Buapak memerintah anak buah (orang ramai). Setiap keputusan yang akan diambil adalah

berdasarkan sistem muafakat seperti yang disarankan dalam perbilangan-perbilangan berikut:

Bulat air kerana pembetung,
Bulat manusia kerana muafakat.

Penghulu beraja ke muafakat,
Muafakat beraja kepada yang benar.
Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 128)

Muafakat sentiasa mendahului sebarang aktiviti yang akan dijalankan. Amalan muafakat ini amat penting dalam masyarakat Adat Perpatih kerana terbukti menjamin kesejahteraan dan keamanan ahli-ahli masyarakatnya.

Asas undang-undang dalam masyarakat Adat Perpatih adalah berteraskan agama Islam seperti yang diperbilangkan:

Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan syarak,
Syarak mengata adat menurut.

(A. Samad Idris, 1996: 31)

Dalam melaksanakan undang-undang pula, keadilan merupakan tunggakunya. Undang-undang tidak akan tersekat oleh tali persaudaraan, kepentingan politik, tekanan rasuah ataupun martabat kedudukan. Malahan, hubungan darah tidak boleh dijadikan alasan untuk membelakangkan undang-undang. Setiap keputusan atau hukuman harus adil tanpa mengira pertalian darah seperti yang diungkapkan:

Biar mati anak, jangan mati adat.
Tiba di batang, batang tumbang,
Tiba di dahan, dahan patah.
Tiba di urat, urat lembang.

(Zainal Kling, 1994: 147)

Hukum adat amat melarang penghakiman tidak adil dan pemimpinnya bersikap berat sebelah:

Ibarat limau masam sebelah,
Perahu karam sekerat.

Tiba di mata dipicingkan,
Tiba di perut dikempiskan.

(Zainal Kling, 1994: 147)

Pemimpin adat perlu bersikap:

Menurut alur nan lurus,
Menempuh jalan nan pasar.
Memelihara harta pusaka,
Kusut nan menyelesaikan,
Keruh nan menjernihkan,

Lupa nan mengingatkan,
Panjang nan memendekkan,
Senteng nan memanjangkan.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1997: 20)

Setiap keputusan yang akan diambil bagi menangani sesuatu masalah yang dihadapi haruslah seperti:

Palu-palu ular dalam benih,
Benih tidak rosak,
Tanah tidak lembang,
Pemalu tak patah,
Ular mati juga;
Umpama menghela rambut dalam tepung,
Rambut tak putus,
Tepung tak berserakan.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1997: 21)

Pemerintahan secara demokrasi ini menurut keadilan dalam setiap aspek yang dilakukan. Sekiranya pemimpin itu zalim maka ia harus dipecat seperti kata perbilangan:

Raja adil raja disembah,
Raja zalim raja disanggah.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1997: 20)

Demikian antara perbilangan yang berkaitan dengan aspek politik. Jelasnya sifat dan asas hukum adat, merupakan pernyataan terhadap ketenteraman hidup bermasyarakat yakni mementingkan hak bersama dan bukan secara individu. Hukum-hukum itu pula adalah berlandaskan agama Islam.

Aspek Ekonomi

Asas ekonomi Adat Perpatih ialah tanah dan daripada konsep asasi milik tanah inilah terbitnya segala nilai dan susunan masyarakat dan negeri (Zainal Kling, 1994: 160). Prinsip kebendaan di dalam susunan masyarakat diamalkan melalui sistem milik yang sesuai dengan prinsip keturunan nasab ibu:

Terbit pusaka kepada saka;
Si lelaki menyandang pusaka,
Si perempuan yang punya pusaka.
Orang semenda yang membela.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1994: 64)

Dalam perbilangan di atas, harta terpulang kepada pihak perempuan tetapi tidak menghalang pihak lelaki mengusahakan dan menambah harta tersebut.

Kain pendinding miang,
Emas pendinding malu.

(Nordin Selat, 1976: 17)

Hilang rupa dek penyakit,
Hilang bangsa dek tak beremas.

(Alwi Salim, 1983: 95)

Perbilangan di atas menggunakan kata *emas* yang dilambangkan sebagai barang yang amat bernilai dan dalam konteks ini boleh disama ertikan dengan harta. Ternyata perbilangan ini menggalakkan ahli-ahli masyarakatnya supaya mencari harta kerana harta menentukan maruah dan taraf kedudukan seseorang di dalam masyarakat tersebut dan seterusnya membentuk bangsa yang dihormati sekiranya mempunyai harta. Dengan demikian, anak-anak muda digalakkan merantau bagi mencari ilmu pengetahuan dan pengalaman yang akan berguna untuk masa depan.

Generasi muda ditanamkan sikap berusaha mencari harta untuk persediaan masa depan seperti yang ditegaskan dalam perbilangan berikut:

Hari panas kok tak bertudung,
Hari hujan kok tak berpayung,
Hari gelap kok tak bersuluh,
Jalan lenggang kok tak berkawan,
Berhemat sebelum habis,
Sedia payung sebelum hujan.

(Nordin Selat, 1976: 11)

Bagi yang merantau pula, dikehendaki kembali dengan membawa harta dan menambah harta yang ada, jika tanpa harta, pengalaman yang didapati semasa merantau digunakan untuk mengerjakan tanah pusaka bagi menggantikan golongan tua yang tidak berdaya. Oleh itu tanah pusaka tidak akan terbiar begitu sahaja.

Mereka disuruh kembali seperti dalam perbilangan yang berbunyi:

Sekenyang-kenyang banting¹,
Rumput dimamah jua,
Sejauh-jauh melanting,
Jatuh ke tanah jua.

(Idris Haji Tain, 1974: 4)

Jelaslah bahawa perbilangan-perbilangan yang telah dibincangkan menggambarkan masyarakat Adat perpatih mementingkan bidang ekonomi dalam kehidupan mereka. Ahli-ahli masyarakat digalakkan bagi meninggikan taraf hidup keluarga dan seterusnya membentuk bangsanya yang kukuh dari segi ekonomi.

Aspek Sosial

Adat Perpatih merupakan adat yang keseluruhannya adalah berteraskan masyarakat. Oleh itu kebanyakan perbilangannya adalah bertujuan mengajjar atau memberi pedoman kepada ahli-ahli masyarakatnya tentang cara hidup atau aturan bermasyarakat. Sama ada

tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, kelompok kekeluargaan dan masyarakat seterusnya. Contohnya sifat kerjasama dan tolak ansur dalam kehidupan harian yang merupakan asas bagi pembentukan tali silaturrahim antara mereka:

Duduk berpelarasan,
Dekat rumah, dekat kampung,
Boleh pinta meminta,
Sakit pening jenguk-menjenguk,
Sejamban seperulangan,
Seperigi sepermandian,
Sehalaman sepermainan.

(Nordin Selat, 1976: 120)

Daripada sinilah wujudnya semangat kekitaan atau *esprit de corps* dalam masyarakat tersebut. Apabila sikap ini telah tertanam maka mudah pula dalam segala pekerjaan yang memerlukan khidmat tenaga yang ramai seperti gotong-royong dalam sebarang situasi yang perlu mempertahankan hak dan maruah bangsa:

Adat bersaudara, saudara dipertahankan,
Adat berkampung, kampung dipertahankan,
Adat bersuku, suku dipertahankan,
Adat bernegeri, negeri dipertahankan,
Adat berbangsa, bangsa dipertahankan,
Yang berat sama dipikul,
Yang ringan sama dijinjing,
Ke bukit sama mendaki,
Ke lurah sama menurun,
Yang ada sama dimakan,
Yang tiada sama dicari,
Seciap umpama ayam,
Sedencing umpama besi,
Sesusun bak sirih,
Seharta sebenda,
Sependan seperkuburan,
Sehina semalu,
Malu seorang, malu semua.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1997: 25)

Perbilangan di atas jelas memperlihatkan hidup dalam masyarakat adalah saling bergantung dan tiada individu yang boleh hidup sendirian. Hubungan antara individu dalam masyarakat perlu rapat seperti sirih yang sesusun dan rimbun seperti serai agar tidak mudah diporak-perandakan oleh mana-mana pihak yang ingin mengambil kesempatan ke atas mereka. Setiap anggota masyarakat perlu bersatu dalam semua perkara dan diharapkan tidak melakukan sebarang perbuatan yang memalukan ahli-ahli masyarakat yang lain kerana jika seorang daripada mereka melakukan perbuatan sumbang, maka seluruh masyarakat akan mendapat malu. Hubungan silaturrahim perlu sentiasa dijaga dan dipupuk dengan cara:

¹ Banting ialah kata dialek yang bermaksud kerbau.

Jika khabar baik diberitahu,
Jika khabar buruk serentak didatangi,

Jika jauh ingat-mengingati,
Jika dekat temu-menemui.

(Nordin Selat, 1976: 12)

Ini bertujuan menggalakkan ahli-ahli masyarakatnya menziarahi sesama sendiri, tidak kira sama ada semasa senang atau susah, jauh atau dekat. Hubungan yang erat perlu diwujudkan, dijaga dan dikekalkan. Bagi orang semenda pula, dinasihatkan supaya:

Bila bersemenda di mana-mana suku,
Sahlah kata adat,
Air orang disauk,
Ranting orang dipatah,
Adat orang diturut,
Di mana bumi dipijak,
Di situ langit dijunjung,
Masuk kandang kerbau menguak,
Masuk kandang kambing mengembek,
Bagaimana adat di tempat semenda,
Dipakailah,
Lain lubuk lain ikannya,
Lain padang lain belalangnya,
Alur sama diturut,
Jalan sama ditempuh,
Adat sama dipakai,
Lembaga sama dituang,
Meniru pada yang ada,
Meneladan pada yang sudah.

(Nordin selat. 1976: 14)

Di sini diajarkan sesiapa yang telah berkahwin dan tinggal di tempat isteri atau suaminya harus tahu membawa diri dan hendaklah mengikut aturan adat yang telah ditetapkan di tempat itu. Walaupun agak berlainan dengan tempat sendiri, mereka haruslah mengikutnya dan sama-sama bertanggungjawab terhadap masyarakat di situ seperti yang diperbilangkan:

Orang semenda seresam,
Tempat semenda seadat,
Buat seorang buat semua,
Berjalan serentak,
Melenggang seayun,
Lemah melapis,
Condong menumpang.

(Haji Mokhtar Haji Md. Dom, 1977: 30)

Setiap ahli masyarakat itu penting dalam masyarakat dan tidak terkecuali daripada tanggungjawabnya kepada masyarakat. Ini menunjukkan bahawa betapa tingginya pandangan hidup masyarakat Adat Perpatih yang mementingkan ahli-ahlinya walau

bagaimanapun keadaan fizikal mereka. Semua individu dianggap sebagai anggota masyarakat dan sudah tentu mereka diterima baik. Untuk tidak mengecewakan mereka dan supaya mereka merasakan diri mereka dihargai, masyarakat telah memberikan tugas seperti berikut:

Yang buta penghembus lesung,
Yang pekak pelepas bedil,
Yang lumpuh penunggu rumah,
Yang kuat pembawa beban,
Yang bingung disuruh-suruh,
Yang cerdik lawan berunding.

(Nordin Selat, 1976: 16)

Adat Perpatih juga menyediakan perbilangan-perbilangan yang berkaitan dengan adat istiadat seperti dalam majlis pertunangan, perkahwinan, perceraian dan berkadim.

Pertunangan

Cincin sebetuk menanya ibu bapanya,
Cincin dua bentuk oso sekata,
Oso sekata, kata dibalikkan,
Tak oso sekata, cincin dibalikkan,
Oso sekata janji diikat,
Janji dibuat dimuliakan,
Dalam janji digaduhkan,
Sampai janji ditepati,
Helah si lelaki loncor tanda,
Helah si perempuan ganda tanda,
Sawan gila di luar janji.

(Alwi Salim, 1983: 98-99)

Perbilangan di atas menerangkan tentang peraturan istiadat pertunangan. Setelah kedua-dua pihak bersetuju dan mengikat janji, maka pertunangan itu dijalankan dan semasa pertunangan, jika pihak lelaki memutuskan tali pertunangan tersebut; maka cincin dan barang-barang yang diberikan akan menjadi milik pihak perempuan. Jika pihak perempuan pula memutuskan ikatan tersebut, mereka dikehendaki menggandakan cincin dan barang yang diterima sebelumnya. Jika ditimpa penyakit gila atau sawan, kedua-dua pihak dikecualikan daripada dendaan ini.

Perkahwinan

Adat Perpatih seperti yang telah dinyatakan terlebih dahulu adalah mengikut lunas-lunas agama Islam, oleh itu aturan perkahwinan juga mengikut hukum dan syarak seperti:

Di dalam nan dua kelarasan,
Adatlah jadi darah daging,

Syarak nan lazim keimanan,
Adat nan kawi nan membimbing.

(Alwi Salim, 1983: 99)

Cuma ada beberapa syarat tertentu yang tidak boleh dilanggar oleh ahli-ahli masyarakatnya. Antaranya adalah larangan berkahwin sesama suku atau waris. Perkahwinan atau jodoh yang dipilih haruslah daripada anggota suku yang lain dan tidak boleh daripada sukunya sendiri seperti yang dikehendaki:

Labu ke kundur,
Kundur ke labu,
Orang ke orang.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1996: 14)

Sekiranya ini dilakukan juga, mereka dikatakan telah melakukan sumbang balai melintang iaitu:

Dihambat dek syarak,
Digalang dek adat.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1996:19)

Sistem perkahwinan adalah sistem eksogami dan orang semenda sama sekali dilarang:

Pelesit dua sekampung,
Sebatang enau dua sigai,
Kapal dua nakhoda.

(A. Samad Idris, 1984: 14)

Perbilangan ini menegaskan bahawa orang semenda itu apabila sudah berkahwin dalam suku atau waris berkenaan, dilarang berkahwin lagi dengan perempuan daripada suku yang sama.

Perceraian

Secara keseluruhannya, perceraian adalah mengikut hukum syarak. Namun begitu, ada majlis *bersuarang* yang bertujuan untuk menasihatkan pasangan tersebut sebelum berlakunya perceraian. Yakni:

Kok kusut diselesaikan,
Kok keruh dijernihkan,
Sama-samalah mencari yang baik.

Namun, jika berlaku juga perceraian, maka harta dan hak yang terlibat akan dibahagi mengikut lunas-lunas adat iaitu:

Carian bahagi,

Dapatan tinggal,
Bawaan kembali.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 111)

Sekiranya mereka bercerai mati ataupun kedua-duanya meninggal dunia, pembahagian adalah seperti berikut:

Carian bahagi,
Mati laki tinggal ke bini,
Mati bini tinggal ke laki,
Mati laki bini tinggal ke anak.

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 111)

Berkadim

Adat Perpatih membenarkan pasangan suami isteri mengambil anak angkat dari luar sukunya untuk dipelihara dan dianggap seperti anak sendiri. Dalam konteks ini, istiadat *berkadim* iaitu upacara mengaku saudara kepada anak angkat yang diambil itu; upacara ini haruslah diterima sebulat suara oleh suku yang menerimanya. Jelasnya anak angkat itu dipersaudarakan (Abdul Rahman Haji Mohammad, 1964: 46). Ini diperjelaskan dalam perbilangan berikut:

Darah dicecah.
Doa ditampung.
Sumpah dilabuh.
Quran dijunjung.

(Nordin selat, 1976: 131)

Perbilangan di atas menerangkan upacara berkedim dengan menggunakan darah dan bersumpah menggunakan al-Quran dengan disaksikan oleh semua ahli suku tersebut.

Jelaslah kepada kita bahawa perbilangan-perbilangan dalam Adat Perpatih dapat memberikan peraturan yang lengkap untuk dijadikan panduan, bimbingan dan nasihat dalam menjalani kehidupan harian mereka tidak kira dari aspek politik, ekonomi maupun sosial.

Perbilangan merupakan alat atau lebih berupa peraturan-peraturan yang dapat mengawal tindakan dan perlakuan anggota-anggota masyarakatnya. Dan, ini tidak terdapat dalam masyarakat yang lain. Di sinilah letaknya keistimewaan Adat Perpatih. Oleh itu ahli-ahli masyarakat mempunyai garis panduan untuk bermasyarakat dan tidak akan melakukan sesuatu tindakan di luar batas-batas kesopanan yang boleh mengganggu ketenteraman masyarakatnya sendiri. Maka dengan ini, akan lahirlah sebuah masyarakat yang aman damai, bersatu teguh dan disegani oleh masyarakat yang lain

Rumusan

Meskipun prinsip-prinsip adat memastikan perjalanan yang berterusan dan berlanjutan bagi masyarakat Adat Perpatih namun masyarakat itu mengakui bahawa perubahan pasti berlaku. Justeru itu terdapat kaedah-kaedah perubahan yang menjadi bahagian daripada keseluruhan sistem itu. Seperti yang dijelaskan terdahulu daripada ini mengenai kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip adat yang bermakna tabii, prinsip kekal, berubah dan suci dalam masyarakat maka Adat Perpatih mengamalkan kaedah ini dalam usaha menyesuaikan diri dengan peredaran masa dan alam sama seperti menyepadukan sistem adat dan syarak. Asas segala perubahan itu adalah kemahuan masyarakat sendiri melalui persefahaman pendapat dan kebulatan kata. Jika muafakat sudah putus (bulat) untuk merubah sesuatu prinsip maka amalan baharu akan timbul.

Di samping itu pula amat disedari bahawa ada beberapa prinsip utama yang mesti kekal untuk mengekalkan masyarakat (adat nan teradat). Tanpa prinsip asasi yang tetap seperti hidup dalam kelompok persanakan - bersuku, masyarakat akan mengalami perubahan radikal dan menjadikan masyarakat bentuk lain. Dengan itu terdapat bahagian-bahagian yang sengaja terbuka kepada perubahan peredaran masa. Inilah prinsip yang wajar bagi kewujudan masyarakat - mengakui ada bahagian yang mesti kekal dan ada bahagian yang harus berubah.

Kehidupan manusia sentiasa disesuaikan dengan zamannya. Kesemua kategori adat melainkan *adat nan sebenar adat* adalah wujud atas kehendak manusia. Sebagai adat buatan manusia, ketiga-tiga jenis adat yang lain adalah terbuka kepada perubahan, hanya ketegangan dan kekendurannya sahaja yang berbeza antara satu sama lain. Pendeknya Adat Perpatih itu adalah dinamik. Kedinamikan Adat Perpatih ini ditentukan atau diatur sendiri oleh adat melalui perbilangan:

Usang-usang diperbaharui,
lapuk-lapuk dikajangi;
yang elok dipakai,
yang buruk dibuang.

kalau senteng minta dilabuh,
kalau singkat minta disambung.
kalau panjang minta dikerat,
kalau koyak minta ditampal,
kalau rompang minta disisit.

Berdasarkan maksud perbilangan di atas, adat itu seandainya 'masih' dianggap baik dan elok maka tidak perlu diubah, disesuaikan atau ditinggalkan; pengamalannya harus diteruskan. Sebaliknya jika adat itu didapati tidak elok (*buruk*), mungkin kerana bertentangan dengan ideologi, kehendak, keperluan dan keadaan semasa tidak harus diamalkan, melainkan dibuang sahaja. Jika adat itu tidak sesuai atau ketinggalan masa (*usang*) atau

tidak kuat lagi dalam erti kata lebih banyak mendatangkan kesan negatif (*lapuk*) kepada masyarakat pengamalnya maka haruslah aspek berkenaan diperbaiki (*diperbaharui*) atau dijalin semula (*dikajangi*). Ada kalanya sesuatu adat itu agak keterlaluan dan meleret-leret prosesnya (*panjang*) ia bolehlah diringkaskan (*dikerat*); tanpa mengubah dasarnya. Di samping itu ada juga bahagian-bahagian adat yang terlalu ringkas (*senteng* dan *singkat*) atau tidak baik (*koyak*) atau tidak jelas prosesnya (*rumpang*) maka bahagian tersebut boleh diperbaiki dan diperkemaskan lagi (*dilabuhkan*, *disambung*, atau *ditampal* dan *disisit*) agar ia menjadi lebih kemas, rapi dan mantap. Akhirnya, kejadian semula jadi, selalunya yang berkaitan dengan politik seperti perubahan pemimpin atau pemerintah juga membawa perubahan dalam sistem adat.

Rumusan yang boleh diutarakan daripada huraian di atas ialah jika adat itu telah ketinggalan zaman, atau tidak lengkap ia boleh diubah agar sesuai dengan masa, ruang dan persekitaran; malahan jika perlu ia boleh ditinggalkan. Namun demikian, perubahan atau pembuangan adat tidak harus dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Ia mesti dilaksanakan mengikut cara adat seperti yang diaturkan melalui perbilangan:

Ibu adat muafakat.
Adat menimbulkan nan baik,
menghilangkan nan buruk.
Bulat air dek gopong,
bulat manusia dek muafakat.
Hilang adat dek muafakat.

Justeru itu, Adat Perpatih bukanlah satu sistem sosial yang statik. Ia fleksibel dan boleh diubah dan disesuaikan dengan nilai-nilai semasa tanpa menyeleweng daripada norma-norma dan prinsip-prinsip dasarnya. Adat, sebagai satu aturan hidup harus dipakai kerana matlamat akhirnya adalah memberi kebaikan dan menghapuskan segala bentuk dan rupa gejala negatif masyarakatnya seperti dibilangan:

Adat menimbulkan nan baik,
menghilangkan nan buruk.

Adat selagi diamalkan oleh masyarakatnya akan berkembang dan menjadi lebih kemas kini:

Adat dipakai : baru.
kain dipakai : usang.

Bibliografi

Abdullah Siddik. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Penerbitan Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1975.

- A. Samad Idris, 'Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya'. Kertas Kerja Seminar Kerapatan Adat Perpatih Negeri Sembilan, Seremban. 24 Julai 1996.
- Alwi Salim. *Puisi Melayu*. Fajar Bakti. Petaling Jaya. 1983.
- Ibrahim Atin. *Perbilangan Adat*. Sinaran Bross. Penang. 1959.
- Idris Hj. Tain. 'Beberapa Konsep Penting dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan.' Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Seremban. 10-12 April 1974.
- Kahar Badur, A. *Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan Malays*. Tesis M.A. (Tidak diterbitkan). Universiti of London. London.
- Lewis, K.D. *The Minangkabau Malay of Negeri Sembilan: A Study of Socio Cultural Change*. Tesis Phd. Cornell University. University Microfilms Ltd. Ann Arbor. Michigan. 1962.
- Mokhtar Hj. Mohd. Dom, Hj. *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Federal Publications. Petaling Jaya. 1975.
- Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Utusan Melayu (M) Berhad. Kuala Lumpur. 1976.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Fajar Bakti. Petaling Jaya. 1993.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 'Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan (Suatu Pengenalan Ringkas)' dalam A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll (ed). *Adat Merentas Zaman*. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. Seremban. 1994.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Perkahwinan dan Adat di Negeri Sembilan*. Fajar Bakti. Shah Alam. 1996.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 'Peranan Kepimpinan dalam Adat Perpatih'. *Warisan*. 20:7-41. 1997.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 'Adat Perpatih Naning: Persamaan dan Perbezaan dengan Adat Minangkabau'. Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih Naning. Alor Gajah. 15 Mac 1997 (b).
- Zainal Kling. *Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara*. Tesis M.A. (Tidak diterbitkan). Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1969.
- Zainal Kling. 'Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat'. dalam A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed). *Adat Merentas Zaman*. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. Seremban. 1994.